



**PEKELILING BENDAHARI BIL. 07/2014**

Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/Dekan Fakulti  
Kakitangan Pentadbiran & Akademik  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PINDAAN KEAHLIAN BAGI:**

- 1) **JAWATANKUASA PENYELARASAN PENILAIAN TEKNIKAL DAN HARGA TENDER USIM BAGI TENDER BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN TENDER KERJA BERASASKAN *TURNKEY* ATAU *DESIGN AND BUILD***
- 2) **JAWATANKUASA PENYELARASAN PENILAIAN SEBUTHARGA BAGI SEBUTHARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan pindaan keahlian bagi Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Teknikal dan Harga Tender USIM Bagi Tender Bekalan/Perkhidmatan Dan Tender Kerja Berasaskan *Turnkey* atau *Design And Build* dan Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Sebutharga Bagi Sebutharga Bekalan Dan Perkhidmatan yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4/2014 seperti di **Lampiran 1**.

3. Dimaklumkan bahawa, **Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 11 Julai 2014** dan dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, **senarai keahlian Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Teknikal dan Harga Tender USIM dan Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Sebutharga yang merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 23/2010** adalah dengan ini **dibatalkan** berkuatkuasa 11 Julai 2014.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai yang berkenaan iaitu En. Suhaimi Affandi Dato' Hj. Sudin di talian 06-7988227 atau En. Azhar Khozin di talian 06-7988220.


5. Diharap Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dapat memanjangkan pekeliling ini kepada kakitangan di bawah seliaan Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.

Kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"**

Salam hormat,



**(ZAIRUL HISHAM HJ. AHMAD KHULAIMI)**  
Pemangku Bendahari

**SITI NURBAYA BT ISMAIL**  
Timbalan Bendahari  
Jabatan Bendahari  
Universiti Sains Islam Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

## LAMPIRAN 1

### 1.1 Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Teknikal dan Harga Tender USIM

1. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atau yang setaraf dengannya - **Pengerusi**
2. Ketua Pustakawan / Timbalan Ketua Pustakawan atau setaraf - **Ahli**
3. Timbalan Pendaftar Kanan / Timbalan Pendaftar atau setaraf – **Ahli**
4. Pegawai Tadbir atau yang setaraf di PTJ/Jabatan yang menguruskan tender tersebut – **Urusetia**

#### Syarat-Syarat:

1. Keahlian hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang tidak termasuk Urusetia, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) ahli yang terdiri daripada **pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf**.
2. Ahli/Urusetia yang dilantik mestilah BERKECUALI dan tidak terbabit dalam mana-mana Jawatankuasa Perolehan yang berkaitan dengan tender tersebut. Sebagai contoh: Urusetia Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal dan Harga Tender TIDAK BOLEH menjadi urusetia atau ahli kepada Jawatankuasa Pembuka/Penilaian Teknikal/Harga yang berkaitan dengan tender tersebut.
3. Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender dan Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Harga Tender perlu hadir sebagai pembentang.
4. Wakil konsultan (jika perlu) boleh hadir sebagai pembentang

### 1.2 Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Sebutharga Bekalan dan Perkhidmatan (Kompleks) bagi Sebutharga Berpusat dan Sebutharga Nyah Pusat.

1. Ketua PTJ – **Pengerusi**

2. Seorang **ahli** terdiri daripada ahli PTJ tersebut. Sekiranya ahli PTJ tersebut tidak mencukupi, ahli daripada PTJ lain boleh dijadikan sebagai ahli.
3. Pegawai Tadbir atau yang setaraf – **Ahli**
4. Seorang ahli terdiri daripada PTJ tersebut – **Urusetia**

Syarat-Syarat:

1. Keahlian hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang tidak termasuk Urusetia, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) ahli, dimana sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
2. Ahli dan Pengerusi perlu dilantik dikalangan **pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf** yang TIDAK TERLIBAT dalam mana-mana Jawatankuasa Perolehan Sebutharga yang lain. Sebagai contoh, ahli/pengerusi bagi Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga USIM tidak boleh dilantik sebagai ahli/pengerusi bagi mana-mana Jawatankuasa Perolehan yang berkaitan dengan perolehan tersebut (Pembuka/Penilaian Teknikal/Harga/Penyelarasan Penilaian) di peringkat PTJ.
3. Ahli/Urusetia yang dilantik mestilah BERKECUALI dan tidak terbabit dalam mana-mana Jawatankuasa Sebutharga yang berkaitan dengan perolehan tersebut. Sebagai contoh: Urusetia Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal dan Harga Sebutharga tidak boleh menjadi urusetia atau ahli kepada Jawatankuasa Pembuka/Penilaian Harga/Teknikal Sebutharga yang berkaitan dengan perolehan tersebut.
4. Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Harga Sebutharga dan Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebutharga perlu hadir sebagai pembentang.